

Talipon: Pejabat: Rembau 237
Balai Kediaman: Rembau 284
Bil: (43)16/75 & (25)26/75



بالي اوندغ لسواق رمبو
نگري سبيلن

Rembau.....19.....

13.....رمبو

Kapada.....

.....كغد

Warkah tulus ikhlas daripada kami Dato' Sedia Raja
Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau di Balai Undang Rembau.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan seru sekeli-
an alam ke majlis Yang Mulia Encik Ahmad Kamal bin Mohd. Sahaja,
Pegawai Daerah Rembau di Pejabat Daerah Rembau, adalah dengan bebera-
pa selamat kesejahteraannya.

Kemudian daripada itu adalah kami dengan sukacitanya
memaklumkan bahawa pada hari Sabtu bersamaan 16hb. April, 1977 pukul
10.00 pagi, kami telah melantik dua orang Dato' Lembaga iaitu :

(1) DATO' ANDIKA (Lembaga bagi suku Batu Belang)

Dato' Andika Kasby bin Yaacob,
Kad Pengenalan 6283301,
Umur 59 Tahun,
Alamat Kg. Bintongan, Rembau.

menggantikan Allahyarham Dato' Andika
Mohd. Yusof bin Hj. Amin;

(2) DATO' RAJA SENARA (Lembaga bagi suku Tanah Datar)

Dato' Raja Senara Yahya bin Endek,
Kad Pengenalan 0900914,
Umur 49 Tahun,
Alamat Kg. Tanjong Sena, Rembau.

menggantikan Allahyarham Dato' Raja Senara
Hj. Alias bin Hj. Zakaria.

2. Jawatan (1) ada berpencen sebanyak \$28.00 sebulan
dan jawatan (2) ada berpencen sebanyak \$24.00 sebulan.

Maka dengan hal yang demikian inilah dimaklumkan
untuk dipanjangkan ke pengetahuan pihak yang berkenaan bagi pema-
yaran pencen yang tersebut.

Sekianlah dimaklumkan serta disudahi dengan
wassalam juu, adanya.

(DATO' SEDIA RAJA HAJI ADNAN BIN HAJI MA'AH)
Undang Luak Rembau.

Termaktub di Pejabat Balai Undang Luak Rembau,
Rembau, Negeri Sembilan.

Pada 02 haribulan April, 1977.

ATURCARA ISTIADAT MENGADAP

Dato' Andika Kasby bin Yaacob,
Dato' Raja Senara Yahya bin Endek,
Menti Md.Husin bin Talib,
Jejela Yusof bin Taib,
Menteri Penghulu Abu Samah bin Hj.Ahmad,
Juan Hj.Mohd.Zain bin Othman.

Di Balai Undang Luak Rembau pada hari Sabtu bersamaan 6hb.Ogos,1977.

Pukul:

- 2.00 Petang ... Berkumpul di khemah di luar perkarangan Balai Undang.
- 2.30 " ... Tua Suku Tanah Datar Tergantung Pada Undang, dengan diiringi oleh anak-anak buahnya, masuk ke Balai dan mengambil tempat.
- 2.35 " ... Buapak Perut Bukit bersama dengan Besar-Besar Perut Kota dan Kg.Tengah, dengan diiringi oleh anak-anak buahnya, masuk ke Balai dan mengambil tempat.
- 2.45 " ... Dato' Raja Senara Lembaga Suku Tanah Datar, dengan diiringi oleh Buapak, Besar dan anak-anak buahnya, masuk ke Balai dan mengambil tempat.
- 2.55 " ... Dato' Andika Lembaga Suku Batu Belang, dengan diiringi oleh Buapak, Besar dan anak-anak buahnya, masuk ke Balai dan mengambil tempat.
- 3.00 " ... Tuan Pegawai Daerah, Y.B. Wakil-Wakil Rakyat dan jemputan khas masuk ke Balai mengambil tempat.
- 3.15 " ... Y.T.M. Undang Luak Rembau dan Toh Puan diiringi oleh Dato' Shah Bandar, Dato' Mangku Bumi, Dato' Menteri Lela Perkasa, Dato' Raja Diraja serta Dato' Panglima Degang, masuk ke Balai.
- 3.20 Petang ... Istiadat dimulakan
- 1.(a) Dato' Seri Maharaja mengadap menyembahkan tepak untuk memulakan Istiadat Menyembah bagi Dato' Andika yang baharu.
 - (b) Dato' Andika mengadap dan menyembah, diikuti oleh isteri.
 - 2.(a) Dato' Perba mengadap menyembahkan tepak untuk memulakan Istiadat Menyembah bagi Dato' Raja Senara yang baharu.
 - (b) Dato' Raja Senara mengadap dan menyembah, diikuti oleh isteri.
 - 3.(a) Dato' Perba mengadap menyembahkan tepak untuk memulakan Istiadat Menyembah bagi Buapak dan Besar Waris serta Tua Suku Tanah Datar Tergantung Pada Undang.
 - (b) Menti, Buapak Perut Bukit mengadap dan menyembah, diikuti oleh isteri.
 - (c) Jejela, Besar Kg.Tengah, mengadap dan menyembah, diikuti oleh isteri.
 - (d) Menteri Penghulu, Besar Perut Kota, mengadap dan menyembah, diikuti oleh isteri.
 - (e) Juan Hj.Mohd.Zain, Tua Suku Tergantung Pada Undang, mengadap dan menyembah, diikuti oleh isteri.
 4. Sabda Y.T.M. Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau.
Bacaan Doa oleh AF Tuan Kadi Daerah, Rembau.
Jamuan Tea & b e r s u r a i.